


1) SEJARAH DAN LATAR BELAKANG

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu merupakan antara cawangan Universiti Teknologi MARA yang mempunyai sebuah unit khas untuk pengurusan rekod dan arkib serta memelihara dan memulihara artifak bersejarah universiti. Unit Rekod dan Arkib ditubuhkan pada 1975 selaras dengan penubuhan dan fungsi UiTM Cawangan Terengganu. Di awal penubuhan, Unit Rekod dan Arkib ini pada mulanya dipertanggungjawabkan di bawah bidang kuasa pengurusan Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Terengganu.

Pada awal tahun 2015, Pejabat Pendaftar telah membuat penstrukturan semula jabatan di mana fungsi Bahagian Arkib diletakkan di bawah tanggungjawab pengurusan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR). Ianya telah diputuskan di dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) Bil. 06/2015 bertarikh 10 Jun 2015**. Tanggungjawab ini melibatkan seluruh operasi Bahagian Arkib beserta sumber perjawatan skim perkhidmatan perpustakaan (Gred S) yang berkaitan berkuatkuasa pada 01 Jun 2015. Di bawah pengurusan PTAR, Bahagian Arkib sekali lagi melaksanakan penstrukturan semula mengikut fungsi jabatan dan dijenamakan sebagai **Jabatan Arkib Universiti (JAU)**. Pengstrukturan semula UiTM ini turut mengubah peranan dan fungsi Unit Rekod dan Arkib UiTM Cawangan Terengganu. **Pada 1 Februari 2016**, unit ini dikenali sebagai **Unit Arkib UiTM Cawangan Terengganu** setelah pihak pengurusan bersetuju menyerahkan unit ini kepada Bahagian Perpustakaan Cendekiawan. Tujuan Unit Arkib diwujudkan adalah untuk menyelaraskan Sistem Pengurusan Rekod dan Arkib Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu Kampus Dungun, Kampus Kuala Terengganu dan Kampus Bukit Besi.

2) CARTA ORGANISASI UNIT ARKIB UiTM CAWANGAN TERENGGANU




Carta 1: Carta Organisasi Unit Arkib UiTM Cawangan Terengganu

3) GAMBAR KRONOLOGI PENUBUHAN UAC (SEBELUM DAN SELEPAS)

3.1) Sebelum Penubuhan Unit Arkib UiTM Cawangan Terengganu

Daripada awal penubuhan ITM/UiTM Cawangan Terengganu sehingga awal tahun 2015, pemilik proses dan fungsian berkenaan dengan pengurusan rekod dan arkib adalah di bawah urus tadbir Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Terengganu.



Gambar 1-4: Bangunan lama dan staf perpustakaan ITM Terengganu

3.2) Selepas Penubuhan Unit Arkib UiTM Cawangan Terengganu

Mulai 1 Februari 2016, Unit Arkib UiTM Cawangan Terengganu menjalankan fungsi dan tugas-tugas sebagaimana peranan Jabatan Arkib Universiti (JAU), PTAR UiTM Shah Alam untuk pengurusan rekod dan arkib serta memelihara dan memulihara artifak bersejarah universiti. Unit Arkib UiTM Cawangan Terengganu hanya menjalankan fungsi dan menguruskan pengurusan rekod dan arkib sahaja dan tidak terlibat dengan naik taraf bangunan, pembinaan bangunan baru dan perpindahan bangunan.



Gambar 5: Bangunan Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu

4) KOLEKSI BAHAN ARKIB UAC

Sepanjang Unit Arkib UiTM Cawangan Terengganu menjalankan fungsi dan tugas-tugas untuk pengurusan rekod dan arkib serta memelihara dan memulihara artifak bersejarah universiti, beberapa kategori rekod penting universiti telah diarkibkan seperti:

- a) Fail Peribadi Staf / Pelajar
- b) Bahan penerbitan PTJ
- c) Gambar bersejarah / program UiTM
- d) Memorandum Persefahaman (MoU / MoA)

5) AKTIVITI

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Unit Arkib UiTM Cawangan Terengganu adalah seperti:

Tarikh	Tajuk Aktiviti	Huraian Aktiviti
8 Ogos 2017	Taklimat Pengurusan Rekod & Arkib	Dilaksanakan di Dewan Mawar UiTM Cawangan Terengganu
11 Julai 2019	Pemantauan Kerja-kerja pelupusan rekod	Dilaksanakan di Pejabat Bendahari, UiTMCT Kampus Dungun selepas mendapat kelulusan daripada Arkib Negara Malaysia, Jabatan Audit Negara, dan Jabatan Akauntan Negara
12 Mac 2020	Library Outreach: Lawatan & Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan UiTMCT	Lawatan ke bilik fail dan khidmat nasihat pelupusan rekod Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun

18 Oktober 2020	Library Outreach: Lawatan & Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan UiTMCT	Dilaksanakan di Unit Pentadbiran Am dan Rekod Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun
21 Oktober 2020	Library Outreach: Lawatan & Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan UiTMCT	Dilaksanakan di Bahagian Pentadbiran, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun
5 November 2020	Library Outreach: Lawatan & Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan UiTMCT	Dilaksanakan di Bahagian Pembangunan Fasiliti, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun
16 November 2020	Library Outreach: Lawatan & Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan UiTMCT	Dilaksanakan di Pejabat Bahagian InfoTech, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun
2 Disember 2020	Sesi Kunjungan Hormat Perpustakaan Bersama Pengurusan Tertinggi UiTM Cawangan Terengganu	Dilaksanakan di Bilik Mesyuarat Utama (BMU), UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun
20 Februari 2021	Library Outreach: Lawatan & Khidmat	Dilaksanakan di Pejabat Polis Bantuan, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun

	Runding Pelupusan Rekod Jabatan UiTMCT	Antara pengisian dalam perkongsian yang dijalankan ialah konsultasi kaedah pengurusan fail, penyimpanan rekod, pelupusan rekod dan lain-lain
24 Februari 2021	Proses pemerolehan dan penerimaan rekod penting universiti	Melibatkan bahan Fail Peribadi Pelajar daripada Unit Pentadbiran Am dan Rekod Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun
2 Mac 2022	Library Outreach: Lawatan & Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan UiTMCT	Dilaksanakan di Pejabat Rektor, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun
14 April 2022	Program Library2u: Read-Reflect-Review	Sesi eLibrary Outreach Bersama Warga UiTMCT – Taklimat Pelupusan Rekod Dan Fail Medium: Webex
3 November 2022	Library Outreach: Lawatan & Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan UiTMCT	Dilaksanakan di Stor Pusat, Pejabat Bendahari, UiTMCT Kampus Dungun
6 November 2022	Library Outreach: Lawatan & Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan UiTMCT	Dilaksanakan di Pusat Pengajian Siswazah (PPS), UiTMCT Kampus Dungun
21 Mac 2023	Library Outreach: Lawatan & Khidmat Runding Pelupusan	Dilaksanakan di Stor Pusat, Pejabat Bendahari UiTMCT Kampus Dungun Melibatkan dokumen baucar dan resit kutipan hasil/harian

	Rekod Jabatan UiTMCT	
--	----------------------------	--